

## **UEM Edgenta Catat Pendapatan RM1.2 Bilion pada Separuh Pertama**

### **Rumusan Keputusan Kewangan Separuh Pertama TK2022**

- Pendapatan sebanyak RM1.2 bilion
- Keuntungan bersih sebanyak RM20.2 juta
- Keuntungan bersih dinormalisasi sebanyak RM27.6 juta
- Kedudukan tunai bersih sebanyak RM95.5 juta
- Nisbah gearan kasar sebanyak 0.3 kali

**KUALA LUMPUR, 26 Ogos** - UEM Edgenta Berhad ("UEM Edgenta" atau "Syarikat"), syarikat Penyelesaian Pengurusan Aset dan Infrastruktur terkemuka di rantau ini mengumumkan keputusan kewangan yang belum diaudit bagi tempoh berakhir 30 Jun 2022 ("separuh pertama TK2022") hari ini.

Syarikat mencatatkan keuntungan bersih sebanyak RM20.2 juta pada separuh pertama TK2022 berikutan pendapatan RM1.2 bilion, berbanding RM14.4 juta dan pendapatan masing-masing sebanyak RM1.0 bilion bagi tempoh yang sama pada TK2021, dengan peningkatan pendapatan tahun ke tahun sebanyak 14.2%. Keuntungan bersih yang dinormalisasi meningkat sebanyak 65.5% tahun ke-tahun, daripada RM16.7 juta pada TK2021 kepada RM27.6 pada separuh pertama TK2022.

Pendapatan Syarikat pada suku kedua TK2022 meningkat kepada RM627.7 juta berbanding RM539.2 juta pada suku sebelumnya dengan peningkatan sebanyak 16.4%. Manakala, keuntungan bersih bagi suku tersebut meningkat sebanyak 15.8% daripada RM9.4 juta kepada RM10.8 juta.

Pertumbuhan pendapatan bagi tahun ke tahun dan suku ke suku adalah didorong terutamanya oleh pemulihan ekonomi pasca pandemik, dengan permintaan yang tinggi terhadap kerja-kerja penyelenggaraan di lebuhraya dan kontrak baharu diraih oleh bahagian Penjagaan Kesihatan. Peningkatan prestasi kewangan ini adalah bukti asas perniagaan pragmatik Syarikat melalui portfolionya yang pelbagai dan penyelesaian berdaya teknologi yang mampan merentasi seluruh kumpulan. Sehingga 30 Jun 2022, kunci kira-kira UEM Edgenta kekal sihat dengan nisbah gearing rendah pada 0.3 kali.

*Orderbook* pesanan Syarikat berjumlah RM10.5 bilion dan kami terus memenangi kontrak baharu pada separuh pertama TK2022. Pasaran antarabangsa dan kontrak berdaya teknologi akan mendorong kemenangan kontrak baharu, kedua-duanya menyumbang ~70% daripada kontrak baharu ini, membuktikan pengembangan pasaran antarabangsa Syarikat dan menjadi strategi syarikat penyelesaian berdaya teknologi.

Walaupun trajektori pertumbuhan jangka panjang Kumpulan kekal kukuh, di tengah-tengah pemulihan ekonomi yang lebih teguh, pihak pengurusan optimis dengan berhati-hati mengenai prospek tahun ini memandangkan ketidaktentuan yang disebabkan oleh kelembapan ekonomi global, gangguan rantaian bekalan, tekanan inflasi dan kenaikan gaji minimum di Malaysia.

"Syarikat akan terus berhati-hati dan cermat dalam menguruskan kos operasi, sementara kami terus mengembangkan jejak kami dalam pasaran pertumbuhan tinggi, terutamanya di Timur Tengah, di mana kami menjangkakan untuk meraih dan memanfaatkan perkongsian baharu dalam masa terdekat, membawa portfolio Program Kemampuan, Penyelesaian Digital dan Teknologi kami ke pasaran," kata Syahrizam Samsudin, Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif UEM Edgenta.

"Berpandukan visi Edgenta of the Future 2025 ("EoTF 2025") untuk menjadi syarikat penyelesaian berdaya teknologi dengan tumpuan pada penjagaan kesihatan menjelang 2025, asimilasi berterusan dan komitmen prinsip Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus ("ESG") merentasi penyelesaian perniagaan, operasi dan penggunaan sumber kumpulan, akan meletakkan kami dalam kedudukan yang lebih baik untuk peluang pertumbuhan dalam keadaan ekonomi dan pasaran yang mencabar ini, sementara kami terus berusaha untuk menyokong kerajaan dalam agenda pembinaan negara kita," tambah Syahrizam Samsudin, Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif UEM Edgenta.

UEM Edgenta terus menyediakan perkhidmatan sokongan penjagaan kesihatan tanpa kompromi kepada semua hospital awam dan swasta di bawah jagaannya di rantau ini. Syarikat berusaha untuk memacu pertumbuhan yang berdaya tahan melalui penyelesaian berkemampuan teknologi dan program Kemampuan di seluruh operasinya sambil meneruskan transformasi digital melalui Edgenta NXT dan menyediakan pasaran yang lebih luas dengan perkhidmatan infrastruktur awan hujung ke hujung di seluruh Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, India, Emiriah Arab Bersatu dan Arab Saudi.

-Ends-

#### **Mengenai UEM Edgenta Berhad**

UEM Edgenta ([www.uemedgenta.com](http://www.uemedgenta.com)) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuhraya dan rel, termasuk pengurusan projek dan perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Berpandukan visi 'Edgenta of the Future 2025', rangkaian menyeluruh perkhidmatan perniagaan UEM Edgenta didorong oleh kemajuan teknologi sepanjang kitaran hayat aset perniagaan termasuk perundingan, perolehan & perancangan pembinaan, operasi & penyelenggaraan, serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. Penyelesaian digital merentasi pelbagai industri meletakkan UEM Edgenta sebagai peneraju untuk menjadi Syarikat Penyelesaian Berdaya Teknologi dengan tumpuan pada penjagaan kesihatan menjelang 2025.

UEM Edgenta mempunyai kehadiran operasi di Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, India, Emiriah Arab Bersatu dan Kerajaan Arab Saudi.